

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

10. Merujuk kepada soalan sembilan (9), mengenai kes-kes keganasan seksual yang dilaporkan pada tahun 2019 di Pulau Pinang.
- (a) Apakah hubungan antara pelaku dan mangsa untuk kes-kes tersebut?
  - (b) Apakah pecahan mengikut umur, bangsa dan jantina bagi pelaku dan mangsa kes-kes tersebut?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat sejumlah tiga (3) kes sumbang mahram, 87 kes cabul, lima (5) kes liwat dan 39 kes mengaibkan kehormatan telah dilaporkan pada tahun 2019 yang membawa kepada 134 kes secara keseluruhan.
- (a) Mengikut analisis rekod PDRM, bilangan kes mengikut hubungan pelaku dan mangsa adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>HUBUNGAN</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1.	Ahli keluarga	10	7.46
2.	Kenalan	47	35.08
3.	Bukan kenalan	77	57.46
<b>JUMLAH</b>		<b>134</b>	<b>100</b>

- (b) Pecahan kes keganasan seksual mengikut umur, bangsa dan jantina pelaku dan mangsa adalah seperti di **LAMPIRAN A**.